

Nama:

Kelas:

Arahan: Baca dan fahami halaman 193 (ANUGERAH YANG BERNILAI) buku teks terlebih dahulu sebelum menjawab soalan-soalan yang disediakan.

a) Isikan ruang kosong di bawah dengan perkataan yang betul.

Afifi bangga kerana penulisan kisah itu telah dipilih sebagai pemenang. Afifi ingin mengutus surat untuk berkongsi coretan kisah itu kepada temannya, Jason.

nukilkan	Taman Seri Damai	sihat sejahtera
----------	------------------	-----------------

Afifi bin Nazri,

12, Jalan Harmoni,

1) ,

81200 Johor Bahru,

Johor.

12 September 2021

Menemui sahabatku, Jason, di Kota Kinabalu, Sabah. Saya berharap semoga saudara dan

keluarga dalam keadaan ²⁾ .

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan sebuah kisah seorang murid di sekolah saya yang bernama Nisa. Kisahnya telah saya ³⁾ dalam penulisan saya. Penulisan itu membolehkan saya dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan di sekolah.

bukan penghalang	cacat pelihatan	teruja dan semangat	rakaman video
coretan	pandai berdikari		murid pintar

Untuk pengetahuan saudara, Nisa seorang ⁴⁾ yang berumur tujuh tahun. Dia mempunyai ibu bapa ⁵⁾ . Namun begitu, dia amat menyayangi ibu bapanya. Pada hari pertama persekolahan, Nisa telah menceritakan keadaan sekolah kepada ibu bapanya dengan penuh ⁶⁾ . Guru kelas Nisa telah merakamkan perlakuan murninya kerana tersentuh hati melihat kecekalan muridnya itu. Tidak lama kemudian, ⁷⁾ tersebut tular dan mendapat liputan media. Beberapa wartawan telah menemu ramah ibu bapa Nisa untuk mengetahui kisah Nisa yang ⁸⁾ dalam hidupnya. Semasa di sekolah, guru besar memuji sikap Nisa yang pandai berdikari dan meminta murid lain mencontohi sikapnya. Beliau mengingatkan kepada semua murid bahawa kekurangan ⁹⁾ untuk berjaya dalam hidup.

Setakat ini sahaja yang dapat saya coretkan buat kali ini. Akhir kata, saya berharap agar kita dapat bertemu lagi dalam ¹⁰⁾ akan datang. Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,

Afi